

TARIKH : 14 JULAI 2020  
AKHBAR : BERITA HARIAN  
MUKA SURAT : M/S 3

SELASA, 14 JULAI 2020

3

Sidang Dewan Rakyat

## Pelan pulih ekonomi jangka panjang dibentang Oktober

Tambah baik pasaran buruh, reformasi institusi awam antara tumpuan kerajaan

Laporan Mohd Iskandar Ibrahim, Mohd Nasaruddin Parzi, Mahani Ishak, Muhammad Yusri Muzamir dan Fahmy A Rosly  
[bhnews.bh.com.my](http://bhnews.bh.com.my)

**Kuala Lumpur:** Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata, kerajaan akan membentangkan pelan pemulih ekonomi jangka panjang pada Oktober ini yang antara han akan memberi tumpuan kepada penambahanbaikan dalam pasaran buruh, reformasi institusi awam dan kerangka urus tadbir serta pelaksanaan pendektaian dan Revolusi Perindustrian 4.0.

Perdana Menteri berkata, Majlis Tindakan Ekonomi dalam proses penyelatan pelan itu yang merangkumi pelbagai dasar dan strategi dengan matlamat menstruktur dan mengukuhkan semula ekonomi.

"Di samping pelbagai langkah yang akan diperkenalkan dalam Bajet 2021 pada 6 November 2020, kerajaan juga sedang merangka pelbagai dasar dan strategi khusus untuk menstruktur dan mengukuhkan semula ekonomi serta menangani ketidakseimbangan pembangunan sosioekonomi Rancahan Malaysia ke-12 (RMKe-12), 2021-2025 yang akan dibentang awal 2021," katanya.

Beliau berkata demikian menj

wab soalan Rubiah Wang (GPS-Kota Samarahan) pada sesi soal jawab lisan di Dewan Rakyat, semalam.

Perdana Menteri juga berkata, kerajaan akan memastikan tiada rakyat yang tercier terutama golongan B40 dalam pelaksanaan Paket Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat (PRIHATIN).

Katanya, lebih 53 agensi kerajaan di bawah Unit Pelaksanaan Dan Koordinasi Stimulus Ekonomi Antara Agenzia Nasional (LAKSANA) akan memantau pelaksanaan PRIHATIN di seluruh negara.

"Kita akan pastikan semua golongan, terutama di Sabah dan Sarawak tidak akan tercier dalam menerima bantuan kerajaan untuk meringankan beban mereka dalam menghadapi pandemik COVID-19," katanya.

Kerajaan sudah melaksanakan paket rangsangan PRIHATIN bernilai RM250 bilion. PRIHATIN Tambahan bernilai RM10 billion dan Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA) bernilai RM35 bilion dalam usahanya untuk mengurangkan impak pandemik COVID-19.

Menjawab soalan tambahan Datuk Seri Anwar Ibrahim (PH PKR-Port Dickson), Muhyiddin

berkata, kerajaan tidak dapat membentangkan PRIHATIN. PRIHATIN Tambahan dan Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA) di Parlimen berikut situasi terdesak akibat penukar COVID-19.

Perdana Menteri bagaimanapun menegaskan, pelbagai inisiatif dilaksanakan bagi memastikan nasib dan hak rakyat dilindungi. Tindakan segera harus diambil supaya bukan sahaja rakyat malah sektor lain juga terbalik.

"Justeru, kerajaan tidak ada pi-

lihan malah saya berpendapat tin-

dak segera mestinya diambil sebelum

Parlimen mula bersidang. Kalau be-

lum bentang, insya-Allah Menteri

Kewangan akan bertanggung dalam sesi

persidangan ini secara terperinci.

Berpuluh-puluh insentif perlu dilak-

sun kerana rakyat meninggalkan ban-

tan dislurukkan segera.

"Kerajaan tidak boleh tunggu

sesi Parlimen sebab institusi dan

perniagaan runtuh sekarcang. Tu-

gas kerajaan memastikan rakyat

mesti dibela," katanya.

Mengakui bahawa Ahli Parli-

men mempunyai tanggungjawab

membangkitkan soal perbelanja-

an negara, beliau berkata, tugas

kerajaan adalah membela rakyat



Di samping pelbagai langkah yang akan diperkenalkan dalam Bajet 2021 pada

6 November 2020, kerajaan juga sedang merangka pelbagai dasar dan strategi khusus untuk menstruktur dan mengukuhkan semula ekonomi serta menangani ketidakseimbangan pembangunan sosioekonomi.

**Muhyiddin Yassin,**  
Perdana Menteri

yang dalam kesusahan

Rapida sodon Datuk Seri Ahmad Maslan (PN Pontian) menge-

nasi usaha kerajaan menangani defisi-

nsi negara. Muhyiddin berkata, kerajaan maklum mengenai undang-undang dan peraturan perbelanjaan supaya tidak melebihi paras siling.

Dalam situasi terdesak akibat

COVID-19 yang hampir semua

ekonomi dunia runtuh, kerajaan

perlu mencari sumber dalaman,

bukan luaran untuk membantu

menyelesaikan masalah ekonomi negara.

Muhyiddin juga menekankan setiap kementerian dan agensi kerajaan mengurangkan kerentan bi-

rokrasi supaya proses menye-

laukan permasalahan yang timbul

dapat diatasi segera.

Perdana Menteri turut menjelaskan pertumbuhan ekonomi ne-

gara tidak menguncup ketara

pada suku kedua disebabkan pe-

laksanaan Perintah Kawalan Per-

gerakan (PKP). Ekonomi dijangka

berkembang semula suku ketiga

dan keempat.

Berdasarkan unjuran Bank Ne-

gara Malaysia (BNM), beliau ber-

kata, ekonomi negara dijangka

berkembang antara -2 hingga 0.5

peratus.

Sementara itu, Muhyiddin me-

ngakur jumlah penganguruan

akan meningkat, namun memberi

jaminan kesannya terhadap ra-

kyat dikurangkan menerusi pe-

laksanaan pelbagai inisiatif.

### Lima usul diluluskan di Dewan Rakyat

- \* Memerintahkan Ketua Polis Negara pastikan keselamatan semua laluan ke Dewan Rakyat, Bangunan Parlimen dan sekitarnya, tidak ada cacau-bilau atau huru-hara.
- \* Mengosongkan jawatan Tan Sri Mohamad Ariff Md Yusof sebagai Yang Dipertua Dewan Rakyat.

- \* Melantik Datuk Seri Azalina Othman sebagai Timbalan Yang Dipertua Dewan Rakyat.
- \* Pelantikan eramah Ahli Parlimen sebagai Ahli Jawatankuasa Pemilih di bawah Peraturan Mesyuarat 76 tempoh Parlimen ke-14.